

29 MAY 1999  
BSKL-MINGGUAN  
PELABUR BSKL DIJANGKA BERHATI-HATI

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mungkin akan menyaksikan kebanyakan pelabur mengambil pendirian berhati-hati minggu depan memandangkan ketiadaan petunjuk arah pasaran, kata peniaga.

Pasaran dijangka dipengaruhi oleh pergerakan Indeks Dow Jones di Wall Street, tambahnya.

"Jika Wall Street memantul malam ini, harga saham mungkin akan naik kerana minat belian terhadap saham-saham murah masih ada," katanya.

Selain dari petunjuk Wall Street, pelabur juga menunggu pengumuman data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku pertama Malaysia.

Jabatan Perangkaan menyatakan data itu dijangka dikeluarkan menjelang akhir Jun atau pada Julai.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata KDNK bagi suku pertama 1999 akan menguncup dengan margin yang lebih kecil sebanyak 1.5 peratus, berbanding penguncupan 8.1 peratus pada suku terakhir 1998.

Minggu ini, pasaran mengalami tekanan jualan kerana kebanyakan pelabur, terutamanya pelabur runcit menjual saham-saham mereka dan menjadikan Dow Jones sebagai petunjuk.

Prestasi Wall Street minggu ini adalah lemah kerana bimbang kadar faedah Amerika akan meningkat. Wall Street akan ditutup Isnin kerana cuti am di Amerika.

Tekanan jualan di BSKL, bagaimanapun, dapat dihadkan dengan kejayaan Malaysia menawarkan bon negara AS\$1 bilion di New York.

Minggu ini, dua syarikat diapungkan di Papan Kedua, iaitu Malaysian AE Models Holdings Bhd dan Seacera Tiles Bhd. Pada Jumaat, Malaysian AE ditutup pada RM2.65 dan Seacera pada RM1.99.

Mengikut asas mingguan, Indeks Komposit jatuh 20.76 mata kepada 749.03, Indeks Emas merosot 7.41 mata kepada 184.05, Indeks Papan Kedua jatuh 15.58 mata kepada 157.84 dan Indeks Perusahaan jatuh 56.25 mata kepada 1,276.03.

Urusniaga Papan Utama merosot kepada 1.799 bilion saham bernilai RM3.662 bilion daripada 3.940 bilion saham bernilai RM7.049 bilion minggu sebelumnya.

Urusniaga Papan Kedua berkurangan kepada 153.396 juta saham bernilai RM393.558 juta daripada 288.659 juta saham bernilai RM731.160 juta.

Urusniaga di luar pasaran, bagaimanapun, melonjak kepada 46.817 juta saham bernilai RM137.373 juta saham daripada 36.840 juta saham bernilai RM120.232 juta.

Berjaya Group, yang menjadi kaunter paling cergas minggu ini, ditutup Jumaat pada RM1.10, jatuh empat sen dengan 70.861 juta saham diniagakan.

United Engineers jatuh 22 sen kepada RM3.98 (62.661 juta), Renong jatuh klima sen kepada RM1.44 (56.750 juta), waran Insas jatuh satu sen kepada 36 sen (44.671 juta), Magnum jatuh 10 sen kepada RM2.60 (34.706 juta), PMI jatuh dua sen kepada 55 sen (31.725 juta), MRCB jatuh lima sen kepada RM1.75 (29.338 juta), Intria jatuh satu sen kepada 62 sen (29.254 juta) waran Bolton jatuh 12 sen kepada RM2.07 (29.217 juta) dan Bolton jatuh tujuh sen kepada RM2.89 (27.664 juta).

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang 68.182 juta saham diniagakan di Papan Utama, barangan industri 215.926 juta, pembinaan 202.834 juta, perdagangan/perkhidmatan 416.763 juta, prasarana 8.301 juta, kewangan 228.902 juta, hotel 13.846 juta, harta 227.220 juta, perladangan 37.099 juta, perlombongan 9.788 juta, amanah 972,500, dana tertutup 2.638

juta, pinjaman 34.932 juta, TSR/waran 332.343 juta.

Sementara itu di Bursa Dagangan Sekuriti dan Urus Niaga Automasi (MESDAQ), Indeks Komposit-nya jatuh 0.62 kepada 105.00 daripada 105.62 minggu sebelumnya.

Supercomal Technologies Bhd kekal pada RM3.36. -- BERNAMA

MK JR